

PEMBANGUNAN MODEL PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN ISLAM

Norashidah Hashim¹ Armanurah Mohamad² dan Azizah Othman²

¹Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi ,

²Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia

Emel: norashidah@uum.edu.my; armanurah@uum.edu.my; o.azizah@uum.edu.my

Abstrak - Pembangunan dan pendidikan keusahawanan adalah teras kepada pemupukan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar IPTA. Adalah menjadi aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi untuk melahirkan modal insan yang mempunyai pemikiran kelas pertama bagi mencapai wawasan 2020 iaitu masyarakat berpendapatan tinggi. Pembangunan dan pendidikan keusahawanan yang berteraskan ajaran Islam dan mematuhi kehendak shariah adalah menjadi dasar untuk melahirkan generasi usahawan siswazah yang holistik serta mempunyai integriti yang tinggi untuk mampu berdaya saing dalam pasaran global. Model pendidikan keusahawanan yang ada pada hari ini adalah berdasarkan teori dan pemikiran Barat yang menjurus kepada mementingkan ganjaran kebendaan dan melahirkan usahawan yang kurang integriti serta kurang mematuhi etika keusahawanan. Oleh yang demikian, pendidikan keusahawanan perlu digabung jalin dengan asas pendidikan Islam yang mampu menjana daya kawalan dalaman yang tinggi dalam diri seseorang. Dengan ini generasi usahawan siswa yang lebih berdaya tahan dan berupaya untuk menyumbang kembali kepada kesejahteraan ummah dan negara. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menghasilkan model pendidikan keusahawanan Islam yang menyeluruh dan akan dapat diguna pakai bagi melahirkan usahawan siswazah berpemikiran kelas pertama. Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif, menggunakan pengutipan data temu bual secara separa berstruktur dengan enam orang usahawan Muslim. Dapatan temu bual dianalisis bagi mengenal pasti elemen pendidikan keusahawanan Islam dan diikuti dengan pembinaan model berasaskan model pendidikan Islam.

Katakunci: Keusahawanan Islam; Pendidikan Keusahawanan Islam

1. Pengenalan

Pembangunan modal insan berkualiti merupakan elemen kritikal dan teras kepada pembangunan negara. Ia perlu dilaksanakan secara menyeluruh bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek sains dan teknologi serta keupayaan keusahawanan. Usaha ini boleh dilaksanakan melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat dan menjadi salah satu fokus dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Justeru, pendidikan di peringkat institusi pendidikan tinggi bagi menjana modal insan yang memenuhi wawasan negara adalah perlu diberikan perhatian. Salah satu pendekatan yang digunakan dalam membangunkan modal insan ialah menerusi pendidikan dan latihan keusahawanan (Bygrave & Zacharakis 2004; Kuratko & Hodgetts 2004; Hisrich et al. 2005). Adalah menjadi matlamat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk melahirkan ramai usahawan siswazah bagi mengatasi masalah pengangguran dalam

kalangan siswazah serta melahirkan masyarakat berpendapatan tinggi yang kreatif dan inovatif. Usahawan siswazah ini diharap mempunyai integriti yang tinggi dan mengamalkan etika keusahawanan yang bukan sahaja mampu mematuhi undang-undang dan peraturan malahan mempunyai daya kawalan dalaman yang tinggi. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar perlu mendapat pendidikan keusahawanan yang berlandaskan ajaran Islam. Namun demikian, pendidikan keusahawanan yang diamalkan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada hari ini masih berlandaskan model pendidikan keusahawanan Barat (Hashim, 2009). Hal ini menunjukkan keperluan kepada satu penerokaan terhadap konsep keusahawanan Islam, elemen-elemen penting dalam pendidikan keusahawanan Islam, pendekatan pengajaran yang berkesan seterusnya membina satu model pendidikan keusahawanan Islam dengan mengambil kira perkembangan semasa.

Kajian ini dibuat untuk mengenal pasti persepsi para usahawan terhadap pendidikan keusahawanan berdasarkan pengalaman sebenar mereka terlibat dalam bidang keusahawanan. Secara khususnya, kajian ini bertujuan:

1. Meneroka aspek-aspek penting dalam membangunkan seorang usahawan graduan Islam berjaya melalui pendidikan keusahawanan Islam.
2. Mengetahui asas yang perlu ada bagi seseorang graduan untuk menceburi bidang keusahawanan Islam.

Kajian ini perlu dilaksanakan bagi meneroka aspek-aspek dalam membangunkan model pendidikan keusahawanan Islam di IPT. Dengan itu, elemen-elemen penting dan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dapat dikenal pasti. Seterusnya satu model pendidikan keusahawanan di IPT dapat dibangunkan. Kajian ini dapat memberikan gambaran kepada pihak yang berkepentingan di IPT dan pembuat dasar tentang aspek, elemen dan model pendidikan keusahawanan ke arah pencapaian matlamat perancangan strategik Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelaksanaan pendidikan keusahawanan di IPT pada sekarang hanya menggunakan pendekatan yang diambil daripada Barat. Oleh yang demikian, wujud kelompangan dalam pengisian pendidikan yang mengambil kira nilai-nilai dalam Islam yang merupakan satu nilai sejagat yang boleh diaplikasikan mengikut kesesuaian setempat.

Kajian ini diharap dapat memberikan satu perspektif baru kepada siswazah terutama mereka yang terlibat dalam pendidikan Islam mengenai satu peluang kerjaya sebagai usahawan. Dengan ini diharap dapat menangani isu pengangguran dalam kalangan graduan pendidikan Islam dan juga graduan dijurusan yang lain. Dengan adanya perspektif dan kesedaran yang lebih luas terhadap kepentingan pendidikan keusahawanan Islam, secara tidak langsung akan mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan menaikkan martabat ekonomi ummah bukan sahaja di negara ini malahan secara global.

2. Ulasan Literatur

2.1 Asas Keusahawanan Islam

Nilai-nilai murni keusahawanan Islam merupakan sebahagian daripada elemen penting untuk melahirkan usahawan yang berjaya. Menurut Nor Mohamad Yakcop (2006), harmonisasi nilai-nilai murni yang bertunjangkan kepercayaan agama merupakan formula yang terbaik dalam melahirkan usahawan berjaya. Ini kerana, nilai-nilai hidup yang murni bertunjangkan ajaran Islam memberi impak secara rohaniah khususnya kepada psikologi individu untuk bertindak sebagai usahawan cemerlang.

Umat Islam terdahulu telah berjaya menempa nama sebagai individu usahawan yang berjaya dan menjadi model yang terbaik untuk dicontohi oleh golongan usahawan pada hari ini. Nabi Muhammad S.A.W. (571-632M), Sayyidina Abu Bakar R.A. (573-634M), Sayyidina Uthman bin Affan (577- 656M), Sayyidina Umar al-Khattab (586- 644M), Talhah bin Ubaid al-Allah (595- 656M), Abd. al-Rahman al-Auf (580-652M) dan sahabat-sahabat lain adalah individu-individu yang begitu cemerlang sebagai usahawan dan peniaga. (Reid, 1984)

Manifestasi falsafah nilai keusahawanan ini digarap daripada petunjuk Allah S.W.T. dalam firman yang bermaksud:

“Dan katakanlah: Bekerjalah kamu, maka Allah dan rasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakanNya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan.”

(al-Taubah:105)

Tafsiran ayat al-Quran tersebut dapat difahami bahawa Allah S.W.T. memerintahkan kepada manusia supaya melakukan sesuatu secara komited. Ini adalah disebabkan usaha yang dilakukan oleh manusia adalah sebahagian daripada konseptual ibadah. Bertitik tolak daripada kehendak tersebut, sesuatu usaha amal yang dilaksanakan oleh manusia diikuti dengan nilai-nilai ikhlas kerana Allah S.W.T. akan memperolehi ganjaran yang sewajarnya. Melalui aktiviti kerja tersebut, ia dapat meningkatkan lagi kualiti keimanan dan ketaqwaan kepada Allah S.W.T.

Kerangka keusahawanan menurut tasawwur Islam bukan hanya berorientasi keuntungan material semata-mata namun ia merentasi alam fizikal yang tidak dapat dilihat dengan pancaindera manusia iaitu alam akhirat. Atas kefahaman inilah konsep keuntungan dan kerugian perlu dilihat dari medium syariat dan bukan hanya berdasarkan pertimbangan rasional akal manusia semata-mata. Justeru itu, tanpa bimbingan daripada wahyu mengakibatkan manusia menjadi taksub dan terpesona kepada kehidupan dunia yang penuh dengan fitnah dan kepalsuan. Kesannya, untuk mencapai cita-cita persaingan pengumpulan harta manusia sanggup membelakangkan keperluan tanggungjawab agama, berlaku

penindasan, kezaliman, amalan riba, gharar dan unsur-unsur negatif yang lain. Kemuncak kepada fenomena yang tidak sihat tersebut berlakulah satu penciptaan order masyarakat yang penuh dengan keburukan dan tidak bermoral yang jelas bertentangan dengan falsafah Islam. (Fazlur Rahman, 1991)

Keistimewaan yang ada pada sistem keusahawanan Islam disebabkan kerangka pembentukan sistem tersebut berasaskan kepada prinsip keagamaan. Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap telah menyediakan sistem muamalat sebagai asas persediaan kepada manusia untuk melangsungkan aktiviti perekonomian atas muka bumi ini. Dalam sistem ini, dapat difahami bahawa setiap aktiviti transaksi manusia, gelagat, fungsi, sistem, garis panduan dan etika adalah terikat dan tunduk kepada tatacara syariat dan norma akhlak.

Setiap tindak-tanduk usahawan perlu diselaraskan dengan memenuhi objektif dan hukum-hukum syariat yang bersifat tetap dan tidak berubah. Atas ketentuan inilah, dalam kerangka konsep keusahawanan sebarang usaha yang akan atau telah dilaksanakan tidak boleh wujud unsur-unsur kemudharatan kepada pihak lain. Contohnya seorang usahawan yang ingin mendirikan sebuah kilang dalam pelan perancangannya bukan sahaja perlu mengambil kira pulangan keuntungan yang bakal diperolehi tetapi juga perlu melihat kepada kesan-kesan sampingan yang lain seperti manfaat perniagaannya, peluang pekerjaan, faedah kepada masyarakat, pencemaran dan perkara-perkara penting yang lain. Impak tersebut perlu dianalisa merentasi sempadan kewilayahan, nasional, pekerjaan, ras etnik, sosial dan agama. (Chapra, 1971)

Manusia perlu menginsafi bahawa setiap sumber alam yang dianugerahkan kepadanya adalah untuk memenuhi keperluan hidup. Dalam masa yang sama juga ia merupakan satu bentuk amanah yang perlu dipikul dengan sebaik-baiknya. Secara tersiratnya, tanggungjawab tersebut adalah satu ujian kepada setiap insan untuk melihat tahap kualiti akidah yang dimiliki oleh manusia. Hakikatnya, manusia perlu menyedari bahawa kekayaan dan keuntungan yang dimilikinya bukanlah bersifat pemilikan yang mutlak sebaliknya semua hasil tersebut adalah kepunyaan Allah S.W.T. Tugas insan sebagai *khalifah al-ard* bertanggungjawab menguruskan sumber-sumber pengeluaran secara bijak untuk kesejahteraan umat manusia dan makhluk lain amnya. Manusia hanyalah bertindak sebagai pemegang amanah berkewajipan menunaikan hak-hak tertentu iaitu memenuhi tuntutan kemaslahatan umum dan menegakkan institusi keadilan ekonomi. (M.Umer Chapra, 1990)Tanggungjawab manusia dalam menguruskan harta ini dijelaskan dalam sebuah hadis Nabi Muhammad S.A.W. yang bermaksud:

“Sesungguhnya harta itu adalah indah dan manis. Sesiapa yang memperolehinya dengan menunaikan kewajipannya, maka ia diberi keberkatan dan ramai yang menyelami harta benda Allah dan RasulNya berdasarkan kehendak hawa nafsunya maka tidak ada baginya kelak di hari kiamat kecuali neraka (al-Nar).”

(al-Tirmidhi)

Pada dasarnya muamalah Islam mengadungi tiga elemen asas yang menjadi pelengkap kepada kesempurnaan konseptual tersebut iaitu akidah, syariah dan akhlak. Kombinasi ketiga-tiga asas ini merupakan adunan yang istimewa dalam merencana aktiviti ekonomi manusia. Refleksi daripada asas-asas pembentukan sistem tersebut mencerminkan kerangka nilai keusahawanan Islam dicipta adalah untuk melaksanakan obligasi sosial dan memenuhi tuntutan umum masyarakat. Oleh kerana tanggungjawab kepada masyarakat menjadi intipati dalam sistem keusahawanan sudah pastilah syarak mementingkan kemaslahatan umum lebih diutamakan daripada kepentingan individu. Berdasarkan adunan ketiga-tiga komponen tersebut ia menjadi satu rumusan formula untuk membentuk kerangka konsep keusahawanan yang dinamis dan komprehensif. Komponen-komponen yang diutarakan ini menjadi momentum untuk membentuk keperibadian yang murni dalam diri individu usahawan. Justeru itu, apabila keperluan komponen ini berjaya diadaptasikan oleh golongan usahawan, ia menjadi motivasi rohaniah untuk menggerakkan usahawan mencapai kejayaan atau diistilahkan sebagai *al-falah* dalam setiap lapangan yang diceburi.

Dalam memenuhi konsep keusahawanan yang bersifat holistik, sistem falsafahnya perlu didasari *al-din* yang berfungsi sebagai fondasi konkrit untuk direalisasikan dalam kegiatan amali manusia. Asas-asas agama ini penting kerana ia bersifat konsisten dan mempunyai potensi yang bersifat *rabbani* sebagai panduan tata cara kepada manusia menghadirkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Peraturan ini dilihat sebagai keperluan kepada umat manusia disebabkan ia untuk menjamin hak dan kepentingan setiap insan dalam sebarang bentuk transaksi muamalah yang melibatkan interaksi sesama Pencipta, manusia dan alam. Manusia yang melanggar hak-hak tersebut adalah jelas melakukan pelanggaran kewajipan terhadap agama. Tindakan dan perbuatan tersebut bukan sahaja mendatangkan kemudaratan kepada dirinya sahaja tetapi juga terhadap makhluk yang lain dan yang lebih malang lagi ia akan mendapat balasan yang setimpal di dunia dan di akhirat kelak.

Oleh yang demikian, pendidikan keusahawanan Islam mesti ditunjangi oleh asas pendidikan dalam Islam yang berdasarkan akidah, syariat dan akhlak.

2.1.1 Akidah

Akidah merupakan teras kepada ajaran Islam dan sebagai jalan mendekati diri kepada Allah S.W.T. Al-Quran menjelaskan ia tidak sekadar fahaman, idea yang hanya bersifat konseptual atau asas yang membezakan mukmin dan kafir semata-mata. (Muhammad Nasir, 1984) Akidah juga tasawwur yang menunjangi sesuatu pemikiran dan tindakan, satu-satunya jaminan yang berasaskan takut kepada Allah S.W.T. serta berkeinginan untuk mendapatkan keredaanNya. Ia juga merupakan satu jaminan untuk mendapatkan kehidupan insaniyyah yang paling baik dalam membentuk personaliti serta rupa bentuk tamadun manusia. Sayyid Qutb (1992) menjelaskan, oleh kerana pelaksanaan ibadat adalah manifestasi daripada akidah, maka tidak sah akidah menyebabkan ibadah tersebut juga tidak sah. Justeru, manusia sebagai asas dan agen dalam proses pertumbuhan ekonomi mestilah berpegang teguh pada norma-norma dan nilai-nilai qat'i dalam setiap aktiviti kehidupan mereka (Muhammad Nejatullah Siddiqi, 1981). Aqidah yang mantap akan menghasilkan ketakwaan yang membangunkan ekonomi dan memudahkan rezeki untuk

semua manusia, manakala tamadun kebendaan yang terpisah daripada akidah akan menjurus kepada kefasikan dan dan kerendahan moral.

2.1.2 Syariah

Seorang Muslim mempunyai tanggung jawab sebagai khalifah yang bertanggungjawab untuk melaksanakan syariah Allah S.W.T. yang menjadi panduan dan petunjuk ke arah kehidupan yang baik di dunia dan akhirat (Wan Salim Wan Mohd Noor, 2001). Syariah disisi Islam adalah merangkumi undang-undang yang ditentukan oleh Allah S.W.T. . Termasuk dalam takrifan ini adalah apa sahaja bentuk hukum yang disyariatkan oleh Allah S.W.T. kepada manusia melalui para nabi sama ada berkaitan cara beramal atau cara beriktikad. Peranannya untuk menghidupkan jiwa dan akal manusia mempunyai persamaan dengan peranan air sebagai sumber yang menghidupkan tubuh badan manusia (Yusuf al-Qaradawi, 1998). Implikasinya, Syariah bukan sahaja bertindak sebagai penentu halal dan haram tingkahlaku manusia, mekanisme menghukum mereka yang menyeleweng malah ia juga menetapkan bahawa pergantungan hidup pada orang lain diharuskan hanya bagi mereka yang cacat secara fizikal, orang-orang tua, kanak-kanak, kaum wanita dan orang-orang yang berpenyakit sahaja. Manakala bagi orang dewasa yang sihat tubuh badan mereka adalah dilarang keras bergantung hidup kepada orang lain atau kerajaan kerana ia akan bertanggungjawab terhadap keruntuhan politik dan ekonomi ummah (Ismail Raji al-Faruqi, 1992). Oleh itu, personaliti Muslim yang hakiki ialah peribadi yang bersandar kepada asas tauhid dan bekerja keras melaksanakan Syariat kerana nilai bekerja baginya bagi melaksanakan tugas suci daripada Allah S.W.T. dan bernilai sebagai ibadat.

2.1.3 Akhlak

Nilai-nilai akhlak Islam adalah manifestasi daripada semangat falsafah tauhid bagi memandu personaliti dan tingkahlaku manusia melalui sistem Syariah yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. untuk kehidupan hamba-hambanya. Menurut al-Ghazali (1996), hubungan secara timbal balik di antara hati dengan anggota badan membolehkan akhlak yang baik diterapkan melalui latihan (*riyadah*), begitu juga segala perbuatan yang sukar pada permulaannya akan menjadi lebih mudah apabila ia sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan seharian. Memandangkan ekonomi Islam adalah ekonomi yang berakhlak, maka penyempurnaannya dalam seluruh kehidupan merupakan prasyarat utama untuk menjamin kecemerlangan pencapaian. Ini kerana akhlak yang baik akan mendorong manusia lebih bertanggungjawab dalam menunaikan amanah dan kewajipan yang besar terhadap Allah S.W.T., pekerjaan, masyarakat dan diri sendiri. Dalam erti kata lain, akhlak juga merupakan sebahagian daripada faktor kepada ukuran kejayaan pencapaian pertumbuhan ekonomi di sisi Allah S.W.T. (Rafiq Yunus al-Misri, 2007). Selain itu, akhlak juga memiliki rahsia keistimewaan dan kemuliaan yang bertindak sebagai mekanisme menguatkan hubungan antara kehidupan manusia dengan jiwa sistem ekonomi Islam (Yusuf al-Qaradawi, 2001).

2.2 Pendidikan Keusahawanan

Pendidikan keusahawanan merujuk kepada pendidikan yang menekankan kepada aspek kreativiti, inovasi dan pembangunan keterampilan individu sebagai usahawan yang merangkumi aspek pemikiran, sikap dan kemahiran keusahawanan. Pendidikan keusahawanan dapat membentuk pelajar yang mempunyai pemikiran, sikap dan kecenderungan yang tinggi terhadap bidang keusahawanan (Armanurah et al. 2006). Ia juga adalah satu proses mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tentang segala kegiatan yang dilakukan oleh usahawan melalui pengajaran dan pembelajaran (Nor Aishah 2006) sama ada secara formal atau tidak formal.

Tujuan pendidikan keusahawanan adalah untuk mengembangkan potensi pelajar ke arah yang lebih kreatif, berinisiatif dan bijaksana dalam membuat keputusan. Pendidikan keusahawanan juga mengajar seseorang itu supaya bersedia mengenal pasti peluang dan merebut peluang yang tercetus dalam persekitarannya, menterjemahkan idea ke dalam bentuk realiti atau satu kegiatan ekonomi, di samping bertahan dan peka dengan perubahan dan ketidakpastian (Yap 2002). Manakala Pyysiainen et al. (2006) menyatakan tujuan utama pendidikan enterprais adalah untuk membangunkan sikap, kemahiran dan atribut enterprais. Tingkah laku dan ciri-ciri keusahawanan ini boleh dibentuk melalui pendidikan keusahawanan (Kuratko 2009; Frederick et al. 2013). Pelajar universiti mempunyai potensi keusahawanan yang baik, cuma pihak universiti sahaja perlu mengenal pasti kaedah yang menyeluruh untuk membangunkan potensi tersebut.

3. Metodologi

Secara spesifiknya, peringkat pertama kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes kerana ia membenarkan pengkaji mendapatkan perincian tentang sesuatu fenomena seterusnya, menjawab persoalan “mengapa dan bagaimana”(Yin 1994; Wiersma 2005). Kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa-berstruktur dengan peserta iaitu usahawan Muslim yang berjaya. Dengan ini pengkaji dapat berinteraksi secara lebih dekat dengan subjek yang dikaji. Kaedah pengumpulan data kualitatif adalah dikumpulkan terlebih dahulu bagi tujuan kajian rekabentuk penerokaan untuk membina model. Sampel kajian dipilih secara bertujuan (Cresswell & Clark 2007) iaitu menggunakan teknik ‘*judgemental sampling*’ iaitu pengkaji menentukan spesifikasi responden (Cavana et al. 2001). Instrumen yang digunakan ialah protokol temubual separa temu bual. Penganalisan data kualitatif akan menghasilkan petikan daripada individu, dikodkan oleh pengkaji dan tema daripada kod tersebut dihasilkan bagi mengenalpasti tema dan konstruk yang dikaji. Pembinaan model pendidikan keusahawanan adalah berdasarkan model pendidikan Islam yang berasaskan akidah, syariah dan akhlak.

4. Analisis dan Perbincangan

Terdapat dua objektif utama kajian yang perlu dijawab. Pada fasa pertama kajian, data temu bual diperolehi bagi menjawab secara langsung tiga persoalan kajian. Fasa kedua, iaitu

pembangunan model pendidikan keusahawanan Islam iaitu persoalan kajian keempat dijana melalui dapatan yang dianalisis dalam pada fasa pertama.

Objektif pertama: Meneroka aspek-aspek penting dalam membangunkan seorang usahawan graduan Islam berjaya melalui pendidikan keusahawanan Islam.

Jadual 1: Aspek penting dalam membangunkan seorang usahawan graduan Islam

Kategori Aspek penting	Elemen	Sub-elemen
1 Ciri-ciri usahawan	akhlak	niat ikhlas, jujur, amanah, berkata benar usaha yang memberikan manfaat kepada agama, masyarakat dan bukan sahaja keuntungan mempunyai imej muslim, bersaing secara sihat, yakin akan Allah sebagai pemberi rezeki, serta akhlak mulia yang lain.
	Sikap keusahawanan	Minat, niat, dorongan yang tinggi, matlamat yang jelas, kekuatan dalaman, bersungguh-sungguh, sedia bertindak, sedia menghadapi halangan dan berpegang kepada prinsip
	Pematuhan syariat	mematuhi syariat dalam segala aktiviti keusahawanan, patuh undang-undang, menjaga hukum jual beli, menepati timbangan serta membayar hutang
	Pemikiran keusahawanan	ilmu, belajar daripada pengalaman, kreatif dan inovatif
	Kemahiran keusahawanan	mengenal pasti peluang, kemahiran aspek pengurusan perniagaan, berkomunikasi, serta mempunyai jaringan kerja.

Objektif utama dalam adalah untuk menerokai aspek-aspek penting dalam membangunkan seorang graduan Islam. Dapatan daripada transkripsi temu bual daripada soalan temu bual iaitu apakah ciri-ciri usahawan Muslim perlu ada, peserta memberikan maklum balas yang boleh dikategorikan kepada 1) Akhlak, 2) Sikap, 3) Pematuhan syariat 4) Kemahiran keusahawanan dan 5) Aspek kognitif.

Ciri usahawan Muslim yang pertama ialah mempunyai akhlak yang baik. Usahawan yang ditemu bual meletakkan niat ikhlas, jujur, amanah, berkata benar merupakan keutamaan dalam menjadi usahawan. Usahawan muslim juga perlu menumpukan kepada usaha yang memberikan manfaat kepada agama, masyarakat dan bukan sahaja keuntungan. Usahawan perlu mempunyai imej muslim, bersaing secara sihat, yakin akan Allah sebagai pemberi rezeki, serta akhlak mulia yang lain.

Sikap yang dimaksudkan disini bermula dengan mempunyai minat terhadap bidang keusahawanan sejak dari kecil lagi. Usahawan X, Y dan Z mengatakan yang usahawan perlu mempunyai niat, dorongan yang tinggi, matlamat yang jelas dalam mengejar cita-cita menjadi usahawan. Mereka perlu mempunyai kekuatan dalaman, bersungguh-sungguh, sedia bertindak, sedia menghadapi halangan dan berpegang kepada prinsip.


Ciri usahawan yang ketiga ialah mereka perlu mempunyai mematuhi syariat dalam segala aktiviti keusahawanan, patuh undang-undang, menjaga hukum jual beli, menepati timbangan serta membayar hutang. Ciri usahawan yang seterusnya ialah mempunyai kebolehan kognitif dan juga kemahiran keusahawanan. Usahawan mesti mempunyai ilmu, belajar daripada pengalaman, kreatif dan inovatif. Berkemahiran mengenal pasti peluang, kemahiran aspek pengurusan perniagaan, berkomunikasi, serta mempunyai jaringan kerja.

Berikut adalah asas yang perlu ada bagi seseorang graduan untuk menceburi bidang keusahawanan Islam.

Jadual 2: Asas menceburi bidang keusahawanan

Kategori Aspek penting	Elemen	Sub-elemen
2. Asas menceburi bidang keusahawanan	Pengetahuan Islam	Asas Islam, Syariat –(halal, haram, fardhu ain/kifayah), Keimanan, Muamalat
	Sikap	Keyakinan diri, Keyakinan hala tuju, Jujur, Redha, Puas hati, Kreatif/ Inovatif, Motivasi diri (external motivation), Niat
	Pengetahuan	Bidang diceburi, prestasi perniagaan, keusahawanan
	Pemasaran	Produk, harga, promosi
	Kemahiran Pembelajaran	Komunikasi, mengenal pasti peluang Belajar daripada usahawan, pakar, pengalaman, bacaan.

Daripada kedua persoalan kajian ini menunjukkan bahawa, pendidikan keusahawanan Islam perlu menggabungkan aspek-aspek penting dalam keusahawanan dengan berlandaskan ajaran Islam. Untuk melahirkan seorang usahawan yang patuh terhadap syariat Islam, seseorang itu perlu mempunyai aqidah yang kuat dan ketakwaan terhadap Allah. Dengan ini, seorang usahawan Muslim dapat menjadi seorang insan yang mampu menyeimbangi antara tuntutan hidup di dunia dan juga kepatuhan kepada Allah demi kebahagiaan dan kejayaan di akhirat. Bagi membentuk satu model pendidikan keusahawanan Islam, perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang seiring dengan ajaran Islam.



Rajah 1: Model Pendidikan Keusahawanan Islam

5. Kesimpulan

Usahawan Muslim boleh dibentuk dan dibangunkan melalui pendekatan yang menggabungkan asas-asas ajaran Islam dan memberikan pendidikan keusahawanan dalam persekitaran sebenar. Pendekatan pengajaran secara pengalaman dapat membentuk sikap, pemikiran dan kemahiran keusahawanan yang diperlukan. Proses ini boleh dilakukan secara seiring dengan menyepadukan pendidikan Asas Islam dengan pendidikan keusahawanan secara pengalaman. Hasil kajian ini memantapkan lagi model pendidikan Kolb yang menjadi asas kepada pembelajaran orang dewasa menggunakan pendekatan pembelajaran secara pengalaman.

Rujukan

- Al-Ghazali (1996). *Bimbingan Mencapai Insan Mukmin*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi
- Armanurah Mohamad, Salmah Ishak & Norashidah Hashim. (2006). Perkembangan pendidikan keusahawanan dalam institusi pendidikan di Malaysia. Kertas kerja “The 2nd National Conference on Entrepreneurship and Small Business (NCESB 2006). Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Institut Pembangunan Keusahawanan. Malaysia, 9-10 Disember.
- Bygrave, W. D. & Zacharakis, A. (2004). *The Portable MBA in Entrepreneurship*. Edisi ke-3. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Cavana, R. Y., Delahaye, B. L. & Sekaran, U. (2001). *Applied Business Research: Qualitative and Quantitative Methods*. Milton, Queensland: John Wiley & Sons
- Cresswell, J. W. & Clark, V. L. P. (2007). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks: Sage Publications
- Fazlur Rahman, (1991). *Islam dan Masalah Keadilan Sosial*. Saiful Azhar (terj.). Kuala Lumpur: A.S. Noordeen
- Frederick, H. H., O’Connor, A. & Kuratko, D.F. (2013). *Entrepreneurship: Theory, Process and Practice*. Ed. Ke-3. Australia: Cengage Learning.
- Norashidah Hashim, (2009) Kesediaan Keusahawanan Pelajar dan Persekitaran Dalam Institusi pengajian Tinggi Awam Malaysia dalam Melaksanakan Pendidikan Keusahawanan. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hisrich, R.D., Peters, M.P. & Shepherd, D. A. S. (2005). *Entrepreneurship*. Ed. ke-6. New York: McGraw-Hill/Irwin.
- Kuratko & Hodgetts (2004). *Entrepreneurship :A Contemporary Approach*. Fort Worth :The

Dryden Press

- Kuratko, D. F. (2009). *Introduction to Entrepreneurship*. Ed. ke-8. Australia: South-Western Cengage Learning.
- M.Umer Chapra, (1990). *Ke arah Sistem Kewangan Yang adil*. Ismail bin Omar (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Nasir al-Din al-Albani, (1984). *Sharh al-aqidah al-Tahawiyah*. Beirut al-Maktabah al-Islami
- Muhammad Nejatullah Siddiqi, (1981). *Muslim Economic Thinking: A survey of Contemporary Literature*. Jeddah: International Centre For Research King Abdul Aziz University
- Nor Aishah Buang. 2006. *Draf Pendidikan Keusahawanan*.
- Nor Mohamad Yakcop (2006). Jaringan Usahawan National PUNB 2006. Lihat <http://www.treasure.gov.my/index.php?option-com>
- Rafiq Yunus al-Misri, (2007). *al-Iqtisad wa al-akhlaq.Damsyik:Dar al-Kalam*
- Reid. A , 1984. The Islamization of Southeast Asia. Dlm Muhammad Abu Bakar(ed.) :Historia
- Sayyid Qutb (1992) *Fi Zilal al-Quran*. Beirut Dar al-Shuruq
- Wan Salim Wan Mohd Noor, (2001). Tasawwur Pengurusan Islam. Pemikir . bil.26
- Wiersma, W. (2005). *Research Methods in Education: An Introduction*. Edisi ke-6. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Yap Poh Moi. (2002). Kesediaan guru-guru perdagangan terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Yin, R. K. (1994). *Case Study Research: Design and Method*. Thousand Oak: Sage Publications, Inc.
- Yusuf al-Qaradawi, (2001). *Daur al-Qiyami wa al-Akhlak fi al-Iqtisad al-Islami*. Kaherah: Maktabah Wahbah